

BAB V

ANALISA TERHADAP PANDANGAN DR. YUSOF AL-QARDAWI MENGENAI PERADABAN BARAT DAN ISLAM

5.1 PENDAHULUAN

Dengan meneliti pandangan Dr. Yusof al-Qardawi berdasarkan karya beliau, *Al-Islam : Hadarat al-Ghad*, beberapa intipati yang sesuai untuk dianalisa dan dikaji. Ini bersesuaian dengan tajuk penulisan yang dikemukakan oleh penulis bagi mengkaji pemikiran Dr. Yusof al-Qardawi terhadap peradaban dan ketamadunan manusia.

Pandangan Dr. Yusof al-Qardawi berkaitan dengan peradaban Barat dan Islam akan dianalisis dalam bab ini. Pandangan ini dilihat dari dua sudut iaitu alasan terhadap penolakan Barat sebagai peradaban dan alasan yang dikemukakan bagi menerima Islam sebagai peradaban alternatif.

5.2 ALASAN PENOLAKAN AL-QARDAWI TERHADAP TAMADUN BARAT SEBAGAI PERADABAN

Berdasarkan apa yang dibahaskan di dalam bab yang lalu, Dr. Yusof al-Qardawi telah menjelaskan segala kesan-kesan negatif yang timbul daripada pengamalan dan penerimaan Barat sebagai peradaban.

Daripada kesan-kesan yang dinyatakan oleh beliau adalah jelas sekali dengan sokongan beberapa fakta terkini berkaitan dengannya. Melihat kepada

kesan negatif yang dikemukakan oleh Dr. Yusof al-Qardawi iaitu bermula dengan keruntuhan akhlak, kemusnahan keluarga, kegelisahan jiwa, kecelaruan akal dan jenayah serta ketakutan. Kesemua ini telahpun menghimpit dan menekan kehidupan masyarakat Barat yang penuh dengan pelbagai masalah.

Dr. Yusof al-Qardawi menolak tamadun Barat sebagai sebuah peradaban yang sesuai diamalkan adalah disebabkan pelbagai kesan negatif yang timbul sepetimana yang dijelaskan sebelum ini.

Sebagai memperkerukuh serta menyokong pandangan beliau, di sini dikemukakan fakta-fakta berkaitan dengan kesan-kesan negatif tamadun Barat yang dijelaskan oleh beliau. Penulis cuba untuk memperincikan lagi sekadar yang mampu dengan mengemukakan pandangan dan juga laporan yang mutakhir terhadap kesan negatif daripada tamadun Barat terhadap negara-negara Barat yang mengamal dan mewarisi ketamadunan ini.

Alasan pertama beliau menolak tamadun Barat adalah keruntuhan akhlak. Ini adalah kesan yang paling menonjol dan paling membahayakan. Kesan ini dapat kita perhatikan di dunia Barat kini semakin membengkak dan menanah, seolah-olah tiada cara mengubati dan menyembuhkannya.

Berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh *Centers For Disease Control And Prevention (CDC)*, pada 30 Disember 1996 sebanyak 581, 429 kes *Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)* telah dilaporkan di Amerika Syarikat.

Daripada jumlah tersebut, 488, 300 atau 84% adalah terdiri daripada kaum lelaki yang berumur 13 tahun ke atas. Manakala 85, 500 atau 15% adalah terdiri daripada kaum wanita yang berumur 13 tahun ke atas dan 7, 629 atau 1% lagi adalah terdiri daripada kanak-kanak yang berumur 13 tahun ke bawah.⁵⁵

Bermula daripada tahun 1985 hingga tahun 1996, hasil laporan dari Amerika Syarikat mendapati mengidap AIDS di kalangan wanita meningkat daripada 7% hingga 20%.⁵⁶

Ini satu daripada contoh hasil daripada keruntuhan akhlak yang berlaku di Amerika dan banyak lagi bentuk keruntuhan akhlak yang didapati. Di antara yang lain adalah perhubungan seks di luar nikah adalah satu yang dibanggakan, lahirnya bayi-bayi luar nikah, meminum minuman keras, hiburan yang melampaui batas dan banyak lagi.

Akan tetapi yang lebih dahsyat lagi, berleluasanya gejala abnormalisme seksual sehinggakan berlakunya perkahwinan lelaki dengan lelaki atau wanita dengan wanita. Inilah yang dapat kita saksikan di dunia Barat kini dan ianya sudah pasti mengundang bencana daripada Allah s.w.t dengan menurunkan azab yang berupa ketakutan yang amat sangat.

⁵⁵ AIDS STATISTICS (Centers for Disease Control and Prevention (CDC). Update : Trends in AIDS incidence, deaths and prevalence – United States, 1996. *Morbidity and Mortality Weekly Report* 1997; 46(8) : 165 - 192, http://www.healthsrc.com/aids_stats.html, 6 Julai 2002.

⁵⁶ AIDS STATISTICS (Centers for Disease Control and Prevention. *HIV/AIDS Surveillance Report*, 1996; 8(no. 2) : 1-40, http://www.healthsrc.com/aids_stats.html, 6 Julai 2002.

Ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Allah s.w.t dalam surah al-Nahl ayat

112 :

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرِيرَةً كَانَتْ أَمْنَةً مَطْنَةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا
رَغْدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرُتْ بِأَنْعَمِ اللَّهِ فَأَذْقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ
وَالْخُوفَ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ⁵⁷

Maksudnya :

Dan (berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar) Allah memberikan satu misalan : Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang telah mereka lakukan.

Inilah yang melanda dunia Barat kini yang dilingkungi dengan penyakit yang belum ditemui ubat dan penawarnya iaitu *Human Immunodeficiency Virus* (HIV)/AIDS dan berbagai-bagai lagi penyakit yang berkaitan dengan seks.

Menurut hasil kajian di Eropah, Amerika, Afrika dan Australia terdapat tiga cara penularan HIV/AIDS iaitu :

- a. Hubungan seksual (homoseksual/heteroseksual)⁵⁸
- b. Parental (jarum suntikan, pemindahan darah dan sebagainya)
- c. Perinatal/vertical (dari ibu yang mengidap kepada janin yang dikandung)⁵⁹

⁵⁷ Al-Qur'an, Surah Al-Nahl : 16 : 112

⁵⁸ berisiko tinggi untuk dijangkiti oleh HIV/AIDS disebabkan pengamalan seks yang tidak normal.

Ini kesan yang paling utama dan menonjol hasil daripada adunan tamadun Barat, yang membawa kepada satu natijah yang sangat membimbang. Sudah pasti apabila urusan kehidupan dipisahkan daripada nilai-nilai akhlak dan moral.

Pelbagai pihak mengeluarkan laporan berhubung dengan keruntuhan akhlak yang berlaku di Barat dengan mengemukakan angka-angka yang amat menggerun dan mengerikan berhubung dengan kadar keruntuhan akhlak.

Ini sesuai dengan apa yang dinyatakan oleh Allah s.w.t :

وَالْبَلْدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ لَا يَخْرُجُ
إِلَّا نَكَدًا كَذَلِكَ نَصْرَفُ الْأَيْتَ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ⁶⁰

Maksudnya :

Dan negeri yang baik (tanahnya), tanam-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur.

"Tanaman yang bantut", inilah yang wujud dan berlaku di negara-negara Barat kini, disebabkan hilang dan musnahnya ikatan akhlak yang dibawa oleh setiap agama samawi melalui rasul-rasulNya.

Alasan kedua adalah kemasuhan institusi kekeluargaan. Institusi kekeluargaan adalah organisasi kecil yang sangat penting. Organisasi kecil ini,

⁶⁰ Al-Qur'ān, Surah Al-A'raf : 7 : 58

sekiranya diurus dengan baik dan teratur ia akan membentuk dan mewujudkan sebuah komuniti masyarakat yang berdisiplin, aman dan damai.

Antara isu kemasuhan institusi kekeluargaan yang dibangkitkan oleh Dr. Yusof al-Qardawi adalah hilangnya rasa kasih sayang, kehamilan di luar nikah, perceraian, perkahwinan abnormalisme, ibu 'tumpang' dan pelbagai.

Setelah kita melihat bahawa kesan negatif pertama adalah keruntuhan akhlak dan kesan yang kedua iaitu kemasuhan institusi kekeluargaan akan menambahkan lagi keparahan tamadun Barat ini.

Menurut laporan dan statistik yang dikeluarkan oleh *The Divorce Center*, pada tahun 1993 di Amerika, sebanyak 2.3 juta pasangan berkahwin dan 1.3 juta pasangan yang bercerai daripada perkahwinan tersebut. Ini bermakna daripada 2.3 juta pasangan hanya sejuta pasangan sahaja yang kekal sebagai suami isteri atau 4 daripada 10 pasangan yang berkahwin akan berakhir dengan perceraian.⁶¹

Selain daripada masalah perceraian, wujud pula di Barat istilah 'ibu sewaan' atau ibu tumpang. Ibu tumpang adalah fenomena yang biasa bagi negara-negara Barat seperti Amerika dan Eropah tetapi ianya agak luar biasa bagi negara kita, Malaysia.

Isu kekeluargaan yang kedua di Barat adalah wujudnya perkhidmatan ibu tumpang diiklankan di laman-laman web dan juga di *yellow pages*. Perkhidmatan

⁶¹ The Divorce Center – Divorce Statistic, <http://www.divorcenter.org/faqs/stats.htm>, 17 Oktober 2002.

ini tidak menyalahi undang-undang negara malah ianya diperakui akan kewujudannya.

Amalan 'ibu tumpang' di Barat diamalkan oleh beberapa golongan manusia. Diantaranya adalah pasangan gay atau lesbian yang sudah berkahwin dan juga yang tidak mahu berkahwin tetapi inginkan anak.

Berdasarkan kepada proses penyewaan rahim ibu tumpang, terdapat empat cara yang dilakukan :

- a. Sperma lelaki dipindahkan kepada ibu tumpang dan sperma akan bersenyawa dengan ovum ibu tumpang.
- b. Sperma lelaki dan ovum pasangan disenyawakan di dalam makmal dan embrio yang terbentuk akan dilekatkan di rahim ibu tumpang untuk meneruskan proses pembesarannya.
- c. Agak sama dengan proses kedua, tetapi ovum diperolehi daripada bank ovum.
- d. Rahim ibu tumpang akan diisi dengan sperma dan ovum daripada pasangan gay dan lesbian dan disenyawakan dengan sperma dan ovum daripada bank sperma⁶² dan ovum.⁶³

Daripada pengamalan ibu tumpang ini, kita akan dapati kesan negatif yang akan muncul dan sudah pasti berlakunya kemusnahan kesucian kekeluargaan dan

⁶² Di United Kingdom, telah dilancarkan sebuah bank sperma khusus untuk membantu pasangan lesbian mendapatkan anak. <http://news.bbc.co.uk/1/hi/health/2062212.stm>, 17 Oktober 2002.

⁶³ Assignment, <http://members.tripod.com/~tzml50/assignment.html>, 17 Oktober 2002.

keceluaran keturunan. Sudah pasti gejala gay dan lesbian akan bertambah kerana mereka kini dapat memperolehi anak tanpa melalui kaedah perkahwinan yang sebenarnya.

Daripada dua contoh yang membabitkan permasalahan institusi kekeluarga ini, jelaslah bahawa ianya mampu memberikan impak yang cukup kuat dan besar terhadap institusi kekeluargaan.

Dengan kedua-dua contoh ini sudah cukup untuk menggambarkan keadaan institusi kekeluargaan yang musnah, dengan lahirnya anak-anak yang tidak tahu pasti siapakah ibu dan bapa mereka, kehidupan lelaki dan wanita yang songsang dan mencanggahi hukum alam dan pelbagai lagi permasalahan yang bakal mendarang.

Kegelisahan jiwa adalah alasan ketiga yang dikemukakan oleh Dr. Yusof al-Qardawi. Beliau menyatakan kegelisahan jiwa sebagai alasan adalah berdasarkan kepada permasalahan sebelum ini yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak berleluasa, terungkainya hubungan kekeluargaan, manusia Barat akan mengeluh gelisah dan pesimis memandang kehidupan serta sulit menghadapi kehidupan.

Kekosongan dan kegelisahan dialami meskipun masyarakat Barat memiliki segala bentuk kesenangan dan kemewahan yang tidak dimiliki orang lain. Tetapi inilah realiti yang berlaku dan apakah yang menyebabkan mereka masih lagi dibelenggu rasa kegelisahan.

Kecelaruan akal adalah alasan keempat yang dikemukakan oleh Dr. Yusof al-Qardawi. Ini adalah suatu yang sangat serius berlaku di Barat. Akal seolah-olah sudah tiada pembimbangnya, akal sudah tidak mampu lagi menjadi pembeza antara yang baik dan buruk. Ini adalah rentetan daripada beberapa permasalahan yang dihadapi sebelum ini.

Alasan yang seterusnya adalah ketakutan dan k adar jenayah yang kian meningkat dari hari ke hari. Kesan ini kalau kita perhatikan ianya adalah rentetan daripada keruntuhan akhlak yang menjadi-jadi dan ditambah lagi dengan kemusnahan institusi kekeluargaan. Maka natijah yang didapati adalah tiadanya kawalan terhadap keperibadian manusia dan juga sifat kasih sayang yang seharusnya tertanam dalam jiwa setiap insan.

Apa yang berlaku bukanlah suatu yang memerlukan, kerana mengikut segi logiknya, sekiranya tiada kawalan terhadap keperibadian manusia dan sifat kasih sayang sudah pasti akan menjebakkan seseorang individu ke arah yang negatif.

Contoh yang paling mudah adalah sifat malu, sifat ini membawa maksud yang begitu ringkas iaitu sifat yang mengawal individu daripada melakukan perkara yang ditegah atau perkara yang bertentangan dengan perintah Allah s.w.t dan RasulNya.

Justeru, sekiranya tiada sifat malu dalam diri seseorang individu akan menjadikannya tidak mampu menegah dan mengawal daripada melakukan perkara-perkara yang negatif.

Marilah kita menyorot statistik kadar jenayah yang berlaku di United States of America (USA) yang mencapai angka yang sangat menggerun dan membimbangkan peningkatannya.

Berdasarkan kepada statistik jenayah yang berlaku di United States of America (USA) direkodkan pada tahun 1992, satu kes jenayah kekejaman, kecederaan dan juga pembunuhan berlaku berlaku setiap 22 saat. Manakala satu kes jenayah yang melibatkan harta benda berlaku setiap 3 saat. Dalam masa 24 jam, berlaku 3 927 kes jenayah kekejaman, kecederaan dan juga pembunuhan dan 28 800 kes jenayah yang melibatkan harta benda.⁶⁴

Bayangkanlah ini hanya statistik yang dinyatakan dalam masa 24 jam, bagaimanakah dengan sebulan, setahun dan seterusnya. Mampukah pihak-pihak berwajib menyelesaikan permasalahan yang sangat serius ini? Adakah permasalahan ini akan dapat diselesaikan dan adakah mampu untuk mengembalikan keamanan kepada penduduk di Barat khususnya di United States of America?

5.3 ALASAN AL-QARDAWI ISLAM SEBAGAI PERADABAN ALTERNATIF

⁶⁴ Crime In The USA, <http://www.atps.com/crime/usa/html>, 18 Oktober 2002

Setelah melihat kepada alasan penolakan Dr. Yusof al-Qardawi terhadap tamadun Barat maka dikemukakan di sini alasan penerimaan Islam sebagai peradaban alternatif kepada tamadun yang penuh dengan permasalahan itu.

Alasan Dr. Yusof al-Qardawi yang pertama Islam sebagai tamadun alternatif adalah tamadun ini adalah seimbang dan utuh. Islam adalah satu-satunya agama risalah yang memberikan manusia satu prinsip yang mempunyai ciri seimbang dan lengkap.⁶⁵ Beliau juga ada menyebutkan berkaitan dengan wawasan peradaban Islam di dalam bukunya "Wawasan Islam Antara Keaslian dan Kemodenan"

Beliau ada menyebutkan berkaitan dengan keseimbangan Islam dalam buku ini. Sikap petengahan, adil dan seimbang daripada wawasan Islam dapat kita lihat dan temui dalam konsep antara wahyu dan akal, antara Ilmu dan Iman, antara kebendaan dan kerohanian, antara hak dan kewajipan, antara individu dan jamaah, antara ilham dan iltizam, antara nas dan ijтиhad, antara idea dan realiti, antara ilham warisan lama dan ramalan masa datang.⁶⁶

Dengan keseimbangan ini, umat Islam memiliki karakteristik yang berbeza dari bangsa lain dan menempatkannya kepada darjah yang lebih tinggi daripada mereka. Ini jelas dinyatakan oleh Allah s.w.t melalui firmanNya :

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أَمَةً وَسُطُّوا لَنْتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ ...
⁶⁷

⁶⁵ Dr. Yusof al-Qardawi (1999), *op.cit.*, h. 174

⁶⁶ Dr. Yusof al-Qardawi (1996), *Wawasan Islam Antara Keaslian dan Kemodenan*. Ahmad Nuryadi Asmawi (terj.) c. 1. Selangor : Thinker's Library Sdn. Bhd, h. 37

⁶⁷ Al-Qur'an, Surah Al-Baqarah : 2 : 143

Maksudnya :

Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat pilihan lagi adil, supaya kamu menjadi orang yang memberi keterangan kepada manusia (tentang yang benar dan yang salah)

Kelemahan konsep dan sistem buatan manusia hanya memberi perhatian kepada sebahagian keperluan manusia dan mengabaikan sebahagian daripada nilai-nilai kehidupan yang lain. Jelasnya, Islam memberikan perhatian kepada seluruh keperluan dan kehendak manusia sama ada mental, fizikal, spiritual serta memberi perhatian dalam segala keadaan dan perkembangan manusia.

Dalam bukunya "Wawasan Islam Antara Keaslian dan Kemodenan" Dr. Yusof al-Qardawi mengemukakan lapan karakteristik wawasan peradaban Islam sesuai dijadikan alasan Islam sebagai tamadun dan peradaban alternatif.

Karakteristik yang dinyatakan oleh beliau adalah bersumber ajaran Ilahi, berciriksn nilai akhlak mulia, bercirikan nilai murni kemanusiaan, bersifat antarabangsa, saling mengerti dan memahami, beraneka ragam, sikap pertengahan dan saling melengkapi. Kesemua karakteristik ini mampu menggambarkan Islam mampu menjadi tamadun alternatif kepada tamadun Barat.

Pertama : *Rabbaniyyah* (Bersumberkan Wahyu Ilahi)

Peradaban Islam adalah satu peradaban yang sudah menyatupadu dengan unsur-unsur dan ajaran-ajaran yang berasal dari Ilahi. Fikrah keimanan, secara am dan

tauhid secara khususnya telah menjadi sebatu dan bersatupadu dengan peradaban Islam.

Kedua : *Akhlaqiyah* (Bercirikan Nilai Akhlak Mulia)

Unsur akhlak adalah suatu elemen yang sangat penting, mempunyai pengaruh yang kuat dan mendalam dalam pembinaan peradaban manusia. Kedatangan Islam di dunia Arab, telah memberi pengaruh yang besar dan proses pembentukan, pembinaan dan penanaman nilai akhlak mulia bagi masyarakat Arab. Inilah besar dan pentingnya nilai akhlak dalam pembentukan peradaban.

Ketiga : *Al-Insaniyyah* (Bercirikan Nilai Murni Kemanusiaan)

Kedatangan Islam mampu mengangkat martabat manusia dengan memelihara maruah, jati diri dan hak-hak asasi manusia.

Ini telahpun dinyatakan oleh Allah s.w.t di dalam al-Qur'ān :

وَلَقَدْ كَرَمْنَا بْنَيْ آدَمَ ...⁶⁸

Maksudnya :

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak cucu Adam...

Di samping itu juga manusia telah diberikan amanah dan kepercayaan untuk menjadi khalifah di atas muka bumi ini. Peradaban Islam juga berdiri tegak di atas satu asas untuk memuliakan manusia sebagai seorang insan tanpa melihat

⁶⁸ Al-Qur'ān, Surah Al-Isra' : 17 : 70

kepada jenis, warna kulit, bangsa, bahasa, kebangsaan, keturunan, darjat hatta agamanya. Manusia dimuliakan Islam terlebih dahulu kerana keinsanannya sebelum agamanya.

Keempat : *Al-Alamiyyah* (Bersifat Antarabangsa)

Islam sebagai agama samawi ditujukan kepada seluruh manusia di muka bumi, maka peradaban Islam ini lahir di atas corak dan ciri antarabangsanya. Ini adalah bersamaan dengan nilai keinsanan yang dimiliki oleh peradaban Islam di mana tidak membandingbezakan di antara anak Adam.

Ini dapat diperhatikan bagaimana Al-Qur'an sendiri menyebutkan "Wahai manusia", "Wahai Bani Adam" dan pelbagai lagi seruan yang tidak menjuruskan kepada bangsa atau kaum yang tertentu. Ini menunjukkan sifat dan ciri antarabangsa yang dimiliki oleh peradaban Islam.

Kelima : *Al-Tasamuh* (Saling Mengerti dan Memahami)

Bukti dan fakta yang memperkuatkan sifat antarabangsa peradaban Islam dengan adanya unsur tasamuh iaitu sikap memaklumi, mengerti dan memaafkan antara sesama, meskipun unsur iltizam kepada keyakinan dan aqidah merupakan unsur yang paling dominan.

Keenam : *Al-Tanawwu'* (Beraneka Ragam)

Peradaban Islam adalah peradaban yang bukan hanya membincang dan membahaskan tentang agama dan ketuhanan sahaja. Tetapi ianya juga membincangkan masalah-masalah agama dan selok beloknya, permasalahan bahasa, kesusasteraan, kebudayaan, falsafah, geografi, amtematik, sains kemanusiaan dan pelbagai lagi disiplin ilmu pengetahuan.

Ketujuh : *Al-Wasatiyyah* (Sikap Pertengahan)

Ini telah diperjelaskan di awal tajuk kecil perbahasan ini.

Kelapan : *Al-Takamul* (Saling Melengkapi)

Peradaban Islam bersifat saling membantu dan melengkapi antara satu sisi dengan sudut yang lain. Peradaban Islam tidak mendakwa bahawa ia mampu menciptakan segala sesuatu dari sifar ketika semua jenis peradaban belum wujud. Islam secara jujur dan terus terang menyatakan bahawa tugasnya sekarang adalah menyempurnakan dan melengkapi sesuatu yang masih kurang bukan mencipta semua perkara baru.

Islam tidak menghalang secara hukum syara' untuk mengambil manfaat dan faedah hikmah, ilmu pengetahuan, kepakaran, percubaan dan pengalaman orang lain, meskipun mereka itu tergolong dalam kelompok yang berseteru dengan Islam.

Sebagai tambahan dan pengukuhan kepada alasan yang dikemukakan oleh Dr. Yusof al-Qardawi tadi, marilah kita melihat kepada bagaimana sumber Islam menjana ketamadunan dan pembinaan masyarakatnya.

Melihat kepada penurunan al-Qur'an sebagai sumber utama Islam, dimana ia menekankan kepada meluruskan aqidah dan kepercayaan. Penekanan yang dijelaskan berkaitan dengan aqidah adalah pembentukan dasar-dasar tauhid, aqidah tentang kenabian dan risalahnya dan aqidah keimanan tentang akhirat dan balasan amal perbuatan.⁶⁹

Selain daripada penekanan terhadap pemahaman dan kekuatan aqidah, al-Qur'an juga menjelaskan tentang penetapan kemuliaan manusia dan hak-haknya. Ini berbeza dengan apa yang berlaku terhadap tamadun Barat kini, kemuliaan manusia dan hak-haknya dipandang sepi walaupun salah satu daripada kesan positif pemikiran Barat adalah tumpuan kepada kebebasan dan hak asasi manusia.

Penetapan al-Qur'an terhadap kemuliaan manusia dan hak-haknya tanpa mengira anutannya kerana atas nama kemanusiaan dan juga penetapan terhadap hak-hak manusia. Memperkuatkan hak-hak kaum lemah terdiri dari anak-anak yatim dan orang miskin juga ditekankan oleh al-Qur'an.

Penurunan al-Qur'an juga menekankan tentang penyembahan kepada Allah s.w.t dan ketakwaan kepada-Nya, pembersihan jiwa manusia, pembentukan keluarga dan berlaku adil kepada kaum wanita.

⁶⁹ Dr. Yusof al-Qardawi (1999), *Berinteraksi Dengan Al-Qur'an*, Abdul Hayyie al-Kattani (terj.) c. 1. Jakarta : Gema Insani Press, h. 109

Selain daripada itu, al-Qur'an juga menekankan tentang pembentukan umat yang menjadi saksi bagi manusia dan mengajak kepada pembangunan alam manusia yang saling tolong menolong.

Penekanan al-Qur'an dan Islam terhadap perkara-perkara ini, jelas memberikan suatu gambaran bagaimana suatu suasana tamadun dan peradaban manusia menurut acuan Islam terbentuk. Jelasnya pandangan Dr. Yusof al-Qardawi terhadap penerimaan Islam sebagai tamadun dan peradaban alternatif adalah suatu yang relevan dan mampu diterjemahkan di dalam pembinaan tamadun dan peradaban Islam.

5.4 PERBEZAAN UTAMA TAMADUN BARAT DAN TAMADUN ISLAM

Sebagai penambahan kepada apa yang dibincangkan berkaitan dengan kedua-dua tamadun besar ini, di sini dikemukakan pandangan ahli akademik lain sebagai menyokong apa yang telah dikemuka dan diperjelaskan oleh Dr. Yusof al-Qardawi.

Mohamad Taha (1994) telah mengemukakan empat perbezaan utama terhadap konsep tamadun Islam dan Barat. Perbezaan tersebut adalah :

Pertama : Kedudukan agama dan tamadun.

Mengikut pandangan Barat (sekular) agama adalah sebahagian dari kebudayaan. Dengan kata lain dengan budi dan daya manusia mencipta agamanya. Kebudayaan sentiasa mengalami perubahan, mengembang dan merosot. Oleh itu, mengikut konsep ini agama turut sama mengalami perubahan. Akibatnya agama mengikut pembaharuan tersebut.

Ini tidak selaras dengan Islam yang menegaskan bahawa agama Islam adalah mencakupi seluruh sudut kehidupan manusia samada keagamaan atau keduniaan. Agama Islam adalah kurniaan Allah s.w.t di mana melalui wahyu sahaja manusia diajar aqidah yang benar, cara-cara melakukan ibadah khusus dan prinsip-prinsip asas muamalat.

Manakah akal dikurniakan oleh Allah, manusia membina tamadun dengan berpandukan dan diselaraskan dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh wahyu. Aqidah, ibadah khusus dan prinsip asas muamalat adalah tetap dan tidak boleh diubah.

Perbezaan antara dua konsep tersebut adalah berpunca dari perbezaan ajaran dan fungsi antara agama-agama lain dengan Islam. Pandangan Barat di atas berdasarkan ajaran agama-agama lain yang tidak dimasukkan semua aspek kehidupan ke dalam agama seperti Islam.

Kedua : Konsep Kesepaduan dan pengawalan

Di dalam tamadun Islam terdapat kosep kesepaduan dan pengawalan oleh agama Islam. Hubungan manusia dengan Allah berkait erat dengan hubungan manusia dengan manusia; begitu juga pembangunan kebendaan berkait erat dengan kerohanian. Segala bentuk kemajuan dan kegiatan manusia mestilah mengikut aqidah, shariah dan akhlak Islam.

Tetapi di dalam tamadun Barat tidak terdapat konsep kesepaduan seperti ini dan pengawalan terhadap kemajuan dan kegiatan manusia adalah terlalu longgar. Fahaman sekular yang dibawa, mengajar bahawa perkara-perkara keduniaan hanya untuk kehidupan dunia semata-mata, tiada kaitan dengan kegiatan keagamaan yang berkait dengan akhirat.

Perbezaan konsep kesepaduan bagi kedua-dua tamadun ini terletak pada kesepaduan berdasarkan keseragaman. Hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia di mana kegiatan dan kemajuan adalah berlandas dan berpaksikan kepada aqidah, shariah dan akhlak Islam tetapi apa yang berlaku kepada tamadun Barat adalah sebaliknya. Ia tidak mempunyai pengawal yang mengawal kegiatan dan kemajuan bagi tamadunnya.

Ketiga : Konsep kemajuan.

Kemajuan mengikut konsep Barat adalah berdasarkan kepada jumlah keuntungan, penciptaan perkara-perkara yang baru dan seumpamanya.

Islam juga mengambil kira perkara-perkara ini tetapi Islam juga mengambil kira apakah pembaharuan itu, bagaimana ia dicapai dan apakah

matlamatnya. Contohnya Islam menyanjungi kemajuan nuklear tetapi tidak membenarkan digunakan bagi tujuan memusnahkan manusia.

Oleh itu kayu ukur yang sebenar ialah sejauh mana ia selaras dengan etika sebenar, kebenaran yang mutlak, yang ditentukan oleh Pencipta.

Keempat : Penekanan sudut kemajuan.

Barat menitik beratkan aspek kebendaan dan mengenepikan kerohanian manakala Islam menekankan kedua-dua aspek tersebut. Dengan lain perkataan pembangunan Islam bersifat konfrehensif dan multi nasional.

Islam mengambil berat pembangunan bidang-bidang ekonomi dan pendidikan. Pembangunan kebendaan dalam Islam adalah semata-mata sebagai alat menyempurnakan pembangunan kerohanian. Pembangunan rohani akan menjamin pembangunan kebendaan sebaliknya pembangunan kebendaan belum tentu dapat menjamin pembangunan kerohanian. Oleh itu pembangunan Islam adalah manusia itu sendiri.⁷⁰

Perbezaan utama bagi kedua-dua tamadun ini adalah jelas dimana sumber rujukan dan panduan bagi kedua-duanya adalah bebeza dan sangat ketara perbezaannya. Perbezaan tersebut adalah perbezaan sumber iaitu Islam menjadi Allah dan RasulNya sebagai panduan dan rujukan sebaliknya Barat menjadi sumber-sumber lain sebagai panduan dan rujukan bagi membina tamadun mereka.

⁷⁰ Mohamad Taha (1994), " Pengenalan Tamadun Islam", *Islam, Al-Qur'an dan Ideologi Masa Kini*, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 16 – 18 .

5.5. TAMADUN ISLAM DALAM KONTEKS KEPELBAGAIAN AGAMA WARGADUNIA

Sesungguhnya dunia ini bukan saja didiami oleh orang-orang yang telah beriman pada Allah dan RasulNya. Bersama kita ada juga insan yang lain yang belum beriman pada Allah dan Rasul serta kebenaran Islam. Untuk umat Islam tentu saja mudah menerima gagasan bahawa Tamadun Islam mampu untuk menjadi tamadun dunia menggantikan tamadun barat. Bagaimana penerimaan orang bukan Islam?. Apakah masyarakat dunia yang mempunyai berbagai agama, boleh menerima bahawa tamadun Islam mampu menggantikan tamadun Barat?

Keraguan dan kesangsian sebegini akan juga timbul dari kalangan umat Islam sendiri. Ini adalah kerana kefahaman yang popular, Islam adalah untuk orang Islam, maka tamadun Islam tentunya sesuai untuk umat Islam saja. Kalauolah tamadun Islam menjadi tamadun dunia, bagaimana kedudukan orang bukan Islam? Bagaimanakah Al-Qardawi melihat persoalan ini?

Dalam satu ceramah Dr. Yusof al-Qardawi di Darul Hikmah, Kaherah bertajuk ‘Satu Wawasan Tamadun bagi Pendokong Cita-Cita Islam’; beliau telah menegaskan bahawa Islam mempunyai satu wawasan ke arah ketamadunan yang perlu dilaksanakan di negara Islam dan didedahkan kepada dunia.

Setelah selesai beliau menyampaikan ceramah tersebut, seorang Kristian yang bernama George Ishaq telah bangkit dan bertanya kepada beliau. “Wahai

tuan, saya ingin bertanya dimanakah kehidupan kami orang Qibti Mesir yang beragama Kristian di dalam wawasan yang anda bentangkan itu?” Al-Qardawi telah menjelaskan persoalan itu dengan mengatakan, “Anda semua mempunyai kedudukan yang penting dalam wawasan itu kerana ia meliputi semua orang yang berada di dalam masyarakat Islam. Umat Islam akan menerimanya sebagai satu ibadat dan kamu akan menerimanya sebagai satu nilai ketamadunan.”⁷¹

Menurut Al-Qardawi terdapat dua bentuk Islam. iaitu Islam pada aqidah dan Islam pada tamadun dan kebudayaan. Beliau pernah menyebut kepada seorang Kristian iaitu Dr. Lois, “ Anda memang seorang Kristian pada aqidah tetapi anda merupakan seorang muslim bila dipandang dari sudut kebudayaan kerana anda hidup dalam lingkungan kebudayaan Islam.”⁷²

Menurut Al-Qardawi orang-orang yang bukan Islam adalah saudara kepada orang Islam. Ini beliau dasarkan kepada beberapa Firman Allah seperti berikut:

“Dan (Kami telah utuskan) kepada kaum Aad saudara mereka Hud, dan kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh dan kepada kaum Madyan saudara mereka Syuaib.”

“Kaum Nuh telah mendustakan para Rasul apabila saudara mereka Nuh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwah?”

⁷¹ Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradawi (1997), Syarahan Darul Iman – Siri 1: Tauhid dan pembaharuan - Prasyarat dalam mencipta kegemilangan, Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., h. 18

⁷² Ibid . h. 18

“Kaum Lut telah mendustakan para Rasul apabila saudara mereka Lut berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa”

“Kaum Aad telah mendustakan para Rasul apabila saudara mereka Hud berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?”

Menurut Al-Qardawi Allah s.w.t. telah mempersaudarakan mereka kerana mereka dari kaum yang sama . Ia dinamakan persaudaraan antara anggota kaum manakala persaudaraan antara orang Islam dan orang bukan Islam itu adalah persaudaraan antara warga negara.⁷³

Berlandaskan kepada pandangan Prof. Dr. Yusof al-Qardawi yang dinyatakan diatas tadi, maka ianya boleh dijadikan landasan untuk kita memberitahu dunia tentang satu lagi keindahan ajaran Islam. Dimana menurut al-Qardawi, di dalam Tamadun Islam, orang bukan Islam juga akan dilihat sebagai Islam. Iaitu bukan pada aqidah kepercayaannya, mereka masih kekal dengan agamanya. Tetapi mereka dikira Islam pada tamadun dan kebudayaan. Lebih jauh lagi dari itu, al-Qardawi telah menegaskan bahawa orang bukan Islam itu juga adalah saudara kita. Dimana persaudaraan itu bukan persaudaraan diasaskan kepada aqidah yang sama. Tetapi persaudaraan yang diasaskan diatas dasar sama-sama menjadi warga dalam sesebuah masyarakat, organisasi, negara, benua dan dunia.

⁷³ Ibid. h. 19

Mudah-mudahan kefahaman ini dapat disebarluaskan kepada seluruh umat Islam khususnya dan amnya kepada seluruh saudara kita yang lain yang sama-sama menjadi warga dunia ini. Dimana keraguan dan kesangsian mereka terhadap sejauhmana keberadaan dan kesesuaian serta keserasian Tamadun Islam sebagai tamadun dunia yang penghuninya bukan hanya orang Islam tetapi terdapat juga insan lain yang menganut berbagai agama, telah ada jawapannya. Sekiranya Tamadun Barat boleh diterima oleh seluruh warga dunia tanpa mengira apa agama, bangsa dan negara mereka, maka dengan penjelasan a-Qardawi dia tas tadi, tidak mustahil Tamadun Islam juga mampu untuk diterima oleh semua umat manusia di dunia ini.

5.6 KESIMPULAN

Peradaban Barat menurut Dr. Yusof al-Qardawi adalah suatu tamadun yang berfungsi dalam membangunkan masyarakat dunia. Sungguhpun ia mampu memberikan segala bentuk kemewahan dan kesenangan tetapi keburukan dan kesengsaraan juga dibawa bersama. Inilah yang menyebabkan ianya tempang dan goyah kerana unsur yang memberikan kesusahan kepada manusia.

Manakala peradaban Islam yang menjadi alternatif kepada tamadun Barat juga akan menjadi tempang sekiranya masih lagi wujud 'duri dalam daging' di kalangan umat Islam. Umat Islam yang memperagakan Islam di mata masyarakat Barat khususnya bukan Islam dengan peragaan menurut hawa nafsunya sendiri. Akhirnya Islam juga dipandang sinis disebabkan wujudnya umat yang tidak menjaga dan memelihara agamanya dengan sebaiknya.

Seluruh umat manusia yang menjadi warga dunia ini, walaupun mereka bukan orang Islam mereka adalah saudara kita. Mereka sama-sama seperti kita yang merupakan anak cucu kepada Adam dan Hawa. Mereka adalah sama-sama dengan kita dalam konteks umat kepada nabi yang terakhir iaitu Muhammad SAW. Mereka adalah saudara kita bukan dalam konteks aqidah tetapi adalah dalam konteks persaudaraan antara warga dunia ini. Lebih jauh lagi dari itu, mereka juga adalah Islam. Iaitu Islam pada ketamadunan dan kebudayaan.

PENUTUP DAN SARANAN

Harapan kita amat besar pada kebangkitan Islam moden, agar ia bekerja keras dan bertekad untuk membawa umat Islam berpindah dari kelemahan menuju kekuatan, dari kemiskinan menuju kemakmuran, dari kekacauan menuju keamanan, dari kediktatoran menuju syura, dari perpecahan menuju kesatuan, dari kemalasan menuju kesungguhan, dari kehancuran menuju pembangunan, dari perbalahan menuju integrasi dari kemunduran material menuju kemajuan yang utuh pada sudut material dan spiritual.

Bersandarkan kepada firman Allah s.w.t :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْيِرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يَغْيِرُ مَا بِأَنفُسِهِمْ⁷⁴

Maksudnya :

⁷⁴ Al-Qur'an, Surah Al-Ra'd : 13 : 11

Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

Harapan yang menggunung tinggi kita harapkan pada kebangkitan Islam ini dan kita sama-sama berdoa semoga Allah mengurniakan kejayaan kepada kita. Semuga allahkekalkan kita dalam petunjukNya.

Firman Allah s.w.t

ربنا لا تزغ قلوبنا بعد إذ هديتنا وهب لنا من لدنك رحمة
إنك أنت الوهاب⁷⁵

Maksudnya :

(Mereka berdoa) : "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau berikan petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisiMu, sesungguhnya Engkau jualah Tuhan Yang melimpah-limpahkan pemberiannya.

Semuga Allah memberi kita kekuatan untuk menjadi asbab kepada orang lain yang belum Islam juga mendapat petunjuk Islam. Semuga kita menjadi asbab turunnya hidayah kepada seluruh umat manusia, diseluruh muka bumi sampai qiamat. Adalah menjadi matlamat kita, agar masyarakat dunia bukan hanya menerima Islam sebagai tamadun, tetapi Islam sebagai agama mereka. Hanya dengan Islam mereka akan selamat di dunia, di kubur, di mahsyar, di Sirat dan akhirnya kesyurga Allah s.w.t. Tanpa Islam mereka akan kekal dalam neraka. Na 'ngu zu bil-Llahi min zalik.

⁷⁵ Al-Qur'an, Surah Ali Imran : 113 : 8

Maka atas maksud untuk menarik masyarakat dunia kepada Islam, Umat Islam perlu insaf bahawa kita bertanggungjawab untuk meneruskan visi dan misi Ar-Rasul s.a.w. Apakah visi dan misi baginda? Visi dan misi Ar-Rasul s.a.w. adalah bagaimana seluruh manusia diseluruh mukabumi sampai qiamat dapat masuk syurga Allah dan dapat selamat dari neraka. Allah.

Sesungguhnya Muhammad adalah Rasul yang terakhir. Selepas baginda tidak ada rasul lagi yang akan dihantar kebumi ini. Bagaimanakah Rasullah s.a.w. dapat menyelamatkan seluruh manusia, di seluruh mukabumi sampai qiamat? Sedangkan baginda telah pun lama meninggalkan kita. Maka disinilah sebenarnya tugas hakiki kita sebagai umat Muhammad s.a.w. Iaitu untuk menyambung tugas nubuwah ini.

Perlaksanaan tugas dan amanah ini tidak hanya bergantung kepada ceramah dan pidato semata-mata. Ianya perlu kepada perancangan,strategi, pelan tindakan serta tindakan yang bersepadau oleh satu barisan umat yang bersatu padu dan berkasih sayang. Umat yang mempunyai segala bentuk kehebatan dari aspek keduniaannya dan juga keakhiratannya. Semuga kebangunan semula Tamadun Islam sebagai tamadun dunia akan dapat menjadi satu mekanisme dakwah yang berkesan kearah kesejahteraan dan kecemerlangan umat manusia sejagat. Kesejahteraan dan kecemerlangan umat manusia di dunia dan juga kesejahteraan dan kecemerlangan umat manusia di akhirat.

Marilah sama-sama kita berusaha ke arah kejayaan kerana jika kita tidak berusaha ke arah kejayaan, kita sedang berusaha kearah kegagalan. Jika kita tidak berusaha kearah kekuatan, kita sedang berusaha kearah kelemahan. Jika kita tidak berusaha ke arah kemuliaan, kita sedang berusaha ke arah kehinaan. Jika kita tidak berusaha ke arah perpaduan, kita sedang berusaha ke arah perpecahan. Jika kita tidak berusaha ke arah kesejahteraan, kita sedang berusaha ke arah kebinasaan.

Semuga Allah membantu kita di dalam usaha untuk mengangkat harakat dan martabat umat yang telah terhina dan dihina ini. Semuga Tamadun Islam akan menjadi tamadun dunia menggantikan tamadun Barat. Semuga ini bukan sebuah utopia tetapi sebuah cita-cita yang akan menjadi kenyataan. Amin.